













[Sports](#)

Kejohanan SUKUM ke-43 melabuhkan tirai

20 August 2018

Kuantan, 18 Ogos- Kejohanan Sukan Antara Staf Universiti Malaysia (SUKUM) Kali ke-43 melabuhkan tirai setelah menamatkan 17 acara yang berlangsung selama seminggu yang menyaksikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai tuan rumah penganjuran kali ini dengan cemerlang dan berjalan lancar.

Dengan semangat kebersamaan sebagai warga kerja semua 20 Universiti Awam di Malaysia dan semangat kesukanan yang tinggi telah dipamerkan para atlet berjaya mengekalkan sifat SUKUM

sebagai medan pengukuhan ukhuwwah dan silaturahhim selain professional dan social networking bagi maksud keharmonian hubungan inter-Universiti.

Hadir merasmikan majlis penutup kejohanan SUKUM adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dato Dr. Mashitah Mohd Yusoff, Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS), No'man Datuk Hj Ahmad dan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Hj Safie.

Menurut Prof Dato Dr. Mashitah, menjadi resam dalam apa jua kejohanan dan pertandingan, akan ada yang menang, dan akan ada juga yang tewas. Namun dalam konteks SUKUM kali ini, semua pasukan yang mengambil bahagian sememangnya juara, kerana tanpa sokongan dan dukungan ini tidak mungkin UMP mampu mengelolakan SUKUM Ke-43 ini dengan lancar.

“Justeru, kepada semua atlet dan pasukan yang berjaya meraih pingat, setinggi-tinggi ucapan tahniah diucapkan. Manakala bagi para atlet dan pasukan yang kurang bernasib baik, saya tetap ingin mengucapkan syabas kerana kalian telah membuktikan usaha yang terbaik untuk memberi saingan paling sengit kepada rakan-rakan yang lain,” katanya yang membacakan teks ucapan Naib Canselor UMP, Prof Dato Sri Dr Daing Nasir Ibrahim.

Tambah beliau, selaku tuan rumah, UMP telah cuba sedaya upaya melakukan yang terbaik dari segi layanan dan sambutan kepada semua atlet dan pasukan sepanjang SUKUM Ke-43 selain merakamkan penghargaan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menyumbangkan khidmat bagi menjayakan SUKUM Ke-43. Ini termasuklah anggota Jawatankuasa Pelaksana, para ketua kontinjen, pengurus pasukan, jurulatih, atlet, pegawai lokasi dan tidak dilupakan, semua sukarelawan yang bekerja keras bagi melancarkan urusan teknikal sepanjang kejohanan ini.

Dalam majlis ini Prof Dato' Dr Mashitah turut menyerahkan bendera kejohanan SUKUM kepada pihak UMS yang bakal menjadi tuan rumah penganjuran pada tahun 2020. Kejohanan menyaksikan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kekal juara dengan pungutan 23 pingat emas, 9 perak dan 19 gangsa dengan memonopoli acara olahraga, basikal, tenpin boling dan bola sepak. Diikuti Universiti Sains Malaysia (USM) 17 emas, 11 perak dan 17 gangsa manakala Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di tempat ketiga dengan pungutan 13 emas, 8 perak dan 2 gangsa. UMP berjaya memperbaiki prestasi dengan raih 3 emas, 7 perak dan 8 gangsa dengan menang acara memancing dan sepak takraw.

Kejohanan SUKUM menyaksikan seramai 2600 atlet dengan mempertandingkan 17 acara sukan seperti futsal lelaki yang dijuarai oleh UUM, Futsal Wanita (UMS), basikal (UniMAP), olahraga (UniMAP), badminton (UMT), sepak takraw (UMP), catur (UIAM), tenis (UMT), ping pong (USM), lawn bowls (UMT), memanah (UMT), petanque (USM), memancing (UMP), tenpin boling (UniMAP), bola sepak senior (UniMAP), bola sepak veteran (UTEM), memancing (UMP), bola tampar lelaki (USIM), bol tampar wanita (UMS) dan bola jaring (UiTM).

- 468 views

[View PDF](#)

